

CLOTRIMAZOLE PESSARY

A. APAKAH KEGUNAAN UBAT INI?



- ✚ Merawat jangkitan kulat/ fungus

B. BAGAIMANA UBAT INI BERTINDAK?

- ✚ Ubat ini bertindak pada dinding sel kulat/ fungus dengan merencat sintesis protein bagi menghentikan pertumbuhan kulat/ fungus.

C. BAGAIMANA UBAT INI DIGUNAKAN?



A. CARA GUNA

- ✚ Gunakan pesari mengikut arahan dan jangka masa yang ditetapkan sahaja.
- ✚ Masukkannya ke dalam faraj (alat kelamin) pada waktu malam, sebelum tidur
- ✚ Basuh tangan dengan menggunakan sabun dan air yang bersih
- ✚ Tanggalkan pembalut pesari.
- ✚ Letakkan pesari pada hujung alat pemakai yang dibekalkan.
- ✚ Baring dengan kedua lutut dibengkokkan dan masukkan alat pemakai ke dalam vagina secara perlahan sejauh yang selesa dan tekan tombol/ plunger untuk tolak pesari ke dalam.
- ✚ Keluarkan alat pemakai dari vagina.
- ✚ Untuk elakkan pesari daripada terkeluar, kekalkan dalam keadaan baring selama 15 minit.
- ✚ Basuh tangan dengan menggunakan sabun dan air yang bersih.
- ✚ Cuci alat pemakai jika perlu digunakan semula dengan sabun dan air suam.

C. BAGAIMANA UBAT INI DIGUNAKAN?

B. JIKA TERLUPA

- + Gunakan pada malam yang berikutnya.
- + Jangan gandakan dos ubat untuk menggantikan dos yang terlupa.

C. BAGAIMANAKAH ANDA PERLU MENYIMPAN UBAT INI?

- + Simpan ubat dalam bekas asal pada suhu bawah 25 °C, jauh dari haba, kelembapan dan cahaya matahari.
- + Jauhkan daripada kanak-kanak.

D. PERINGATAN !!!



➤ SEBELUM MENGAMBIL UBAT INI

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- ✚ Jika anda alah kepada ubat antikulat ini atau ejen antikulat azole lain.
- ✚ Jika anda merancang kehamilan kerana ubat ini boleh melemahkan produk getah seperti kondom, diafragma dan topi serviks.
- ✚ Sekiranya anda hamil dan merancang untuk hamil.

➤ SEMASA MENGAMBIL UBAT INI

Jangan guna tampon, douches, spermisida atau produk faraj lain.

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- ✚ Mengalami kesan sampingan yang berlarutan (contoh: gatal-gatal/ kesakitan/ kekejangan perut)
- ✚ Didapati hamil dan memberi susu badan.
- ✚ Mengalami alahan/alergi kepada ubat ini.



AMARAN !!

SEKIRANYA
TANDA-
TANDA INI
BERLARUTAN
SILA
RUJUK
DOKTOR

E. KESAN SAMPING UBAT

- ✚ Pesakit mungkin akan mengalami kesan-kesan berikut:
 - Rasa terbakar di bahagian faraj
 - Gatal-gatal
 - Kekejangan perut
 - Sakit kepala
- ✚ Pesakit perlu melaporkan kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya kesan sampingan di atas berlarutan atau bertambah teruk.

Rujukan:

- <https://www.drugs.com/clotrimazole-vaginal.html>
- Risalah maklumat ubat: Candid® V-1
- New Guide to Medicines and Drugs (British Medical Association)

Sebarang pertanyaan mengenai ubat-ubatan, sila hubungi Jabatan Farmasi, Hospital Universiti Sains
Malaysia. 09-7673000 sambungan:

Unit Farmasi Klinikal dan Maklumat Drug : 3384/3386

Unit Farmasi Pesakit Luar : 3393/3394
